

Oleh Suliati Asri
suliati@metro.com.my

Kurangnya kesedaran masyarakat terhadap konsep halal khususnya berkaitan pensijilan, pelabelan serta pemilihan produk mengikut piawaian syariah, mendorong Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Kesedaran Sains Halal dan STEM (Halal@STEM), baru-baru ini.

Berlangsung di Pusat Komuniti PPR Intan Baiduri, program pemindahan ilmu itu dilaksanakan dengan kerjasama KRT PPR Intan Baiduri, GIATMARA Kepong, Nestlé Malaysia dan Halal Development Corporation Bhd.

ia bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat berkenaan kepentingan halal dalam kehidupan seharian melalui pendekatan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta membuka peluang kerjaya dalam industri halal.

Ketua Program, Dr Yazid Yaakob berkata, menerusi program ini peserta didedahkan kepada konsep sains halal.

"Ini termasuklah pensijilan, analisis halal di makmal, penggunaan teknologi, digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam rantai industri

TINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT

Program Halal@STEM buka mata golongan muda berkenaan kepentingan sains, teknologi dan pensijilan halal



PESERTA meneliti maklumat pada label makanan.

halal bagi mengekalkan integriti siji halal.

"Program ini juga membimbing peserta meneroka peluang kerjaya luas dalam industri halal," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Fizik Dr Mohd Mustafa Awang Kechik yang juga penceramah

program menegaskan penerapan elemen STEM memberi nilai tambah kepada peserta dari segi kemahiran, pengurusan dan literasi maklumat dalam industri halal.

"Menariknya program ini membuka mata golongan muda berkenaan kepentingan sains,

teknologi dan pensijilan halal.

"Ia selaras dengan inisiatif kerajaan memperkasakan sektor berteknologi tinggi dan digital bagi mengekalkan Malaysia sebagai peneraju halal global," katanya.

Bagaimanapun, siri pertama program ini

sudah berlangsung pada 8 Februari lalu dengan penyertaan 30 peserta membabitkan ceramah kesedaran halal, aktiviti berkumpulan, diskusi dan kuiz menggunakan platform digital.

Siri kedua pada 12 April, memfokuskan latihan amali 'STEM in Halal', keusahawanan halal, penggunaan platform digital-AI seperti Canva dan pembentangan produk usahawan halal.

Turut hadir, Pengerusi KRT PPR Intan Baiduri Datuk Zariah Ali; Tenaga pengajar GIATMARA Kepong, Siti Nurfarhanah Mohd Ali Hanapiah; Ketua Bahagian Hal Ehwal Halal Nestlé Malaysia, Nasrul Hadi Mohamed Nor, Siti Hazlin Jantan, Amirah Ahmad Kamal dan Ketua Pegawai Bahagian Komersial Halal Development Corporation Bhd, Mohd Zamulud Awang Kechik.



PESERTA program sedang melakukan antara aktiviti yang dilaksanakan.